

# Pelajar kagumi ketokohan Al Ghazali

## Pemenang peraduan tajaan Tabung Haji banyak membaca

Oleh Nor Fariza Ramli  
[norfariza@bharian.com.my](mailto:norfariza@bharian.com.my)

KUALA LUMPUR: "Saya mengagumi keunggulan Imam Al Ghazali dalam kelebihannya menguasai pelbagai ilmu pengetahuan, sekali gus menjadi ahli falsafah disegani," kata pemenang utama Jom Kenali Tokoh-Tokoh Islam Terkemuka 2011 kategori individu, Nur Farina Kala, 17.

Katanya, dia tidak menyangka usaha serta minat menyertai peraduan itu membawakan hasil apabila terpilih sebagai pemenang.

"Saya mengambil tiga hari untuk membuat rujukan di buku dan laman web serta meminta pertolongan guru. Cita-cita saya untuk melanjutkan pelajaran dalam pendidikan Islam dan berharap mendalami agama di samping menambah ilmu, terutama sejarah agama," kata pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Bukit, Kajang itu ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah di Balai Berita di sini, kelmarin.

Hadiah disampaikan Pengurus Besar (Khidmat Pelanggan) Tabung Haji, Mohammad Saimi Mat Som. Turut hadir Pengarang Eksekutif (Berita) Berita Harian, Norhayati Md Said dan Pengarang Pendidikan Berita Harian, Muhd Yusuf Abu Bakar.

Pemenang kedua kategori individu dimenangi Mohamad Adib Aziz, 17, dari SMK Kayu Ara Pasong dan ketiga Farah Afiqah Jamil dari Maktab Rendah Sains MARA Kubang Pasu.

Sementara itu, Mohammad Saimi berkata, pertandingan itu cuba mencungkil bakat pelajar serta menggalakkan mereka berfikir secara kreatif dan inovatif.

© NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN | BERITA MINGGU



MOHAMMAD SAIMI (tengah), Norhayati dan Muhd Yusuf bersama ketiga-tiga pemenang di Balai Berita, kelmarin.